

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam **1200, Selasa, 15 Oktober 2024**



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

AKAUN SATELIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI 2023

Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan e-dagang menjana RM427.7 bilion, menyumbang 23.5 peratus kepada KDNK pada tahun 2023

PUTRAJAYA, 15 OKTOBER 2024 - Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan statistik **AKAUN SATELIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI 2023**. Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ASTMK) adalah kerangka statistik untuk mengukur prestasi industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) termasuk e-dagang dan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta eksport dan import produk TMK dan guna tenaga dalam industri TMK.

Menurut Ketua Perangkaan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Industri TMK dan e-dagang menjana RM427.7 bilion pada tahun 2023 dengan sumbangan sebanyak 23.5 peratus kepada KDNK negara berbanding 22.9 peratus atau RM411.6 bilion pada tahun 2022. TMK dan e-dagang berkembang sebanyak 3.9 peratus berbanding 14.3 peratus pada tahun sebelumnya. TMK dan e-dagang terdiri daripada Nilai Ditambah Kasar industri TMK (NDKTMK) dengan sumbangan sebanyak 13.8 peratus dan 9.6 peratus daripada e-dagang dalam industri bukan TMK."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan "NDKTMK sebanyak RM252.0 bilion mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.8 peratus berbanding 11.4 peratus pada tahun

sebelumnya, disokong oleh perkhidmatan TMK yang menyumbang 41.6 peratus. Ini diikuti oleh pembuatan TMK, perdagangan TMK dan kandungan & media masing-masing menyumbang 38.2 peratus, 14.2 peratus dan 6.0 peratus”.

Beliau menambah, “Nilai Ditambah Kasar e-dagang berjumlah RM248.2 bilion dengan pertumbuhan perlahan sebanyak 3.7 peratus berbanding 19.2 peratus pada tahun sebelumnya. Sumbangan e-dagang kepada KDNK merekodkan 13.6 peratus dengan sektor Pembuatan kekal sebagai penyumbang utama sebanyak 51.8 peratus, diikuti oleh sektor Perkhidmatan sebanyak 45.2 peratus. Manakala, sumbangan selebihnya adalah bagi sektor Perlombongan & Pengkuarian, Pertanian dan Pembinaan.


Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin juga mengulas, “Eksport produk TMK menyumbang 34.5 peratus kepada eksport Malaysia, bernilai RM430.7 bilion pada tahun 2023 didominasi oleh barang TMK dengan sumbangan 90.9 peratus. Sementara itu, import produk TMK mencatatkan sumbangan 23.4 peratus kepada import negara dengan nilai RM270.7 bilion, disumbangkan oleh barangan TMK sebanyak 84.3 peratus. Secara keseluruhan, eksport bersih produk TMK mencatatkan lebih sebanyak RM160.0 bilion pada tahun 2023.”

Dari segi tenaga buruh, guna tenaga dalam industri TMK meningkat 1.6 peratus kepada 1.24 juta orang pada tahun 2023, dengan sumbangan sebanyak 7.8 peratus kepada keseluruhan guna tenaga di Malaysia. Guna tenaga ini didominasi oleh pembuatan TMK, 35.6 peratus, diikuti oleh perkhidmatan TMK dan perdagangan TMK dengan masing-masing menyumbang 29.2 peratus dan 22.4 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

SOROTAN PRESTASI ICTSA 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
15 OKTOBER 2024

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Tuesday, 15th October 2024**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY SATELLITE ACCOUNT 2023

***Information and Communication Technology and e-commerce generated
RM427.7 billion with a contribution of 23.5 per cent to GDP in 2023***

PUTRAJAYA, 15 OCTOBER 2024 - Today, the Department of Statistics Malaysia published the statistics on **INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY SATELLITE ACCOUNT 2023**. The Information and Communication Technology Satellite Account (ICTSA) is a statistical framework for measuring the performance of Information and Communication Technology (ICT) industry including e-commerce and its contribution to the Gross Domestic Product (GDP) as well as the exports and imports of ICT products and employment within the ICT industry.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "ICT and e-commerce industry generated RM427.7 billion in 2023, with a contribution of 23.5 per cent to national GDP as compared to 22.9 per cent or RM411.6 billion in 2022. This resulted the ICT and e-commerce activities grew at 3.9 per cent as compared to 14.3 per cent in the preceding year. The ICT and e-commerce are composed of Gross Value Added of ICT industry (GVAICT) with the share of 13.8 per cent and 9.6 per cent from e-commerce in non ICT industries".

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained that "GVAICT accounted RM252.0 billion recorded a growth of 3.8 per cent as compared to 11.4 per cent in the preceding year,

supported by ICT services, contributing to 41.6 per cent. This is followed by ICT manufacturing, ICT trade and content & media with a share of 38.2 per cent, 14.2 per cent and 6.0 per cent respectively”.

He added, “Gross Value Added of e-commerce amounted RM248.2 billion, with a slower growth of 3.7 per cent as compared to 19.2 per cent in the preceding year. The contribution of e-commerce to GDP recorded 13.6 percent, with Manufacturing sector remained the main contributor at 51.8 per cent, followed by the Services sector at 45.2 percent. Meanwhile the remaining contributions come from the Mining & Quarrying, Agriculture and Construction sectors”.


Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also commented, "The exports of ICT products contributed 34.5 per cent to the Malaysia's exports, valued at RM430.7 billion in 2023 dominated by ICT goods with the share of 90.9 per cent. While, imports of ICT products recorded a contribution of 23.4 per cent to national imports with a value of RM270.7 billion, contributed by the ICT goods with the share of 84.3 per cent. Overall, the net exports of ICT products recorded a surplus of RM160.0 billion in 2023."

On the labour front, employment in the ICT industry increased by 1.6 per cent to 1.24 million persons in 2023, with contribution of 7.8 per cent to the overall employment in Malaysia. The employment was dominated by ICT manufacturing at 35.6 per cent, followed by ICT services and ICT trade with a share of 29.2 per cent and 22.4 per cent respectively.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

ICT PERFORMANCE HIGHLIGHTS 2023



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
15 OCTOBER 2024